



KP/KPPM/7 (18)
19 Julai 2013



Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 16 TAHUN 2013**

**CUTI PERISTIWA DAN CUTI BERGANTI SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI
TAHUN 2013**

Merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan **Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 33 Tahun 2012: Penggal Persekolahan, Cuti Peristiwa dan Cuti Berganti Tahun 2013 Bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan, KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 4 (31) bertarikh 30 November 2012**. Dalam surat siaran berkenaan, KPM tidak menyelaraskan cuti peristiwa dan cuti berganti bagi Hari Raya Aidil Fitri Tahun 2013 kerana hari raya tersebut berada dalam Cuti Pertengahan Penggal 2, Tahun 2013.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan/Puan, pihak KPM telah menerima permohonan daripada beberapa pihak supaya sekolah-sekolah diberi cuti peristiwa / cuti berganti pada **4 dan 5 Ogos 2013** bagi negeri-negeri Kumpulan A serta **5 dan 6 Ogos 2013** bagi negeri-negeri Kumpulan B. Permohonan ini bertujuan memberi keselesaan dan kemudahan kepada semua pihak untuk pulang menyambut Hari Raya Aidil Fitri yang dijangkakan jatuh pada hari **Khamis, 8 Ogos 2013**.

4. Justeru, setelah mempertimbangkan permohonan tersebut, pihak KPM telah bersetuju memberi kemudahan Cuti Peristiwa/ Cuti Berganti bagi hari persekolahan pada 4, 5 dan 6 Ogos 2013. Bagi tujuan penyelarasan, pihak sekolah hendaklah terlebih dahulu memohon Cuti Peristiwa/ Cuti Berganti tersebut kepada Pendaftar masing-masing untuk kelulusan. Pihak KPM mencadangkan tarikh bagi Cuti Peristiwa/ Cuti Berganti adalah seperti di **Lampiran A**.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan/Puan dipohon mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada semua pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua, dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



TAN SRI ABD GHAFAR BIN MAHMUD
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

Lampiran A

**CADANGAN CUTI PERISTIWA DAN CUTI BERGANTI
SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI TAHUN 2013,
8 DAN 9 OGOS 2013 (KHAMIS & JUMAAT)**

Kumpulan A – Negeri-negeri yang hari hujung minggunya hari Jumaat dan Sabtu

Tarikh Cuti	Jenis Cuti	Tarikh Ganti
Ahad 4 Ogos 2013	Cuti Peristiwa	Tidak perlu Diganti
Isnin 5 Ogos 2013	Cuti Berganti	Sabtu 24 Ogos 2013

Kumpulan B – Negeri-negeri yang hari hujung minggunya hari Sabtu dan Ahad

Tarikh Cuti	Jenis Cuti	Tarikh Ganti
Isnin 5 Ogos 2013	Cuti Peristiwa	Tidak perlu Diganti
Selasa 6 Ogos 2013	Cuti Berganti	Sabtu 24 Ogos 2013